



SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/04/07_11 (HQ)

DEMI KESELESAAN RAKYAT SAMBUT AIDILFITRI, HAMPIR 10,000 WARGA TNB BERTUGAS PADA SYAWAL

- Pemantauan setiap negeri ditingkatkan menjelang Syawal khususnya ketika penggunaan dijangka meningkat pada malam Aidilfitri dan dua hari berikutnya
- TNB mengekalkan tradisi menitipkan bingkisan kuih raya bagi menghargai warga kerja yang bertugas

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menugaskan hampir 10,000 tenaga kerja pelbagai peringkat di sepanjang rantaian perkhidmatannya di sebelas (11) negeri di seluruh Semenanjung, untuk menjamin kestabilan bekalan elektrik ketika rakyat menyambut Syawal beberapa hari lagi.

Ia lantaran TNB memegang amanah untuk terus menerangi dan menyinari setiap rumah rakyat sejak hampir 75 tahun lalu, apakah lagi persiapan semakin rancak dengan lebaran Aidilfitri kian menjelang di samping keluarga di kampung pula menanti-nanti kepulangan ahli keluarga tercinta.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, pemantauan ditingkatkan menjelang Syawal dengan kebiasaannya tempoh 72 jam mulai sehari sebelum 1 Syawal adalah kritikal berikutan orang ramai rancak membuat persiapan terutama pada malam Aidilfitri.

“Walaupun tugas ini adalah rutin harian warga kerja di bahagian perkhidmatan masing-masing, namun saya yakin setiap daripada warga kerja ini akan memberikan yang terbaik demi pengguna di seluruh negara. Mari kita doakan agar mereka sentiasa sihat dan selamat menyempurnakan amanah ini demi keselesaan semua yang menyambut lebaran,” katanya.

Bagi menghargai sumbangan warga kerja terlibat, TNB mengekalkan tradisi menitipkan bingkisan kuih raya yang disediakan dengan kerjasama Persatuan Wanita TNB (PELITAWANIS).

Pada 2 April lalu, Megat Jalaluddin dan Yang Dipertua PELITAWANIS TNB Kebangsaan, Datin Nor Azura Mohamed serta barisan Pengurusan Tertinggi TNB, hadir di majlis simbolik Penyerahan Bingkisan Raya TNB 2024 kepada ketua-ketua bahagian TNB di TNB Platinum, Ibu Pejabat TNB, Bangsar.

“Bingkisan kuih raya ini tidaklah setimpal pengorbanan warga kerja terlibat, tetapi ini adalah sebagai tanda terima kasih TNB dan ahli-ahli PELITAWANIS kepada mereka yang bertugas

memastikan bekalan elektrik yang berterusan dan stabil sepanjang Aidilfitri nanti,” kata Nor Azura.

TNB mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir Batin kepada semua pelanggan dan rakyat Malaysia seluruhnya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 April 2024, jam 10.30 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731,
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (tengah) menyerahkan bingkisan raya kepada ketua-ketua bahagian TNB untuk diedarkan kepada bahagian masing-masing di majlis simbolik Penyerahan Bingkisan Raya TNB 2024 di TNB Platinum, Ibu Pejabat TNB, Bangsar pada 2 April 2024.



Warga kerja TNB sedang memeriksa sebahagian daripada janakuasa bergerak yang disiapkan untuk tunggu sedia menjelang sambutan Aidilfitri.